



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (20)

Tarikh: 1 April 2024

MBPJ BERI SUMBANGAN KEPADA 145 ANAK-ANAK YATIM DAN 60 KELUARGA MISKIN BANDAR.

Bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan **MAJLIS IFTAR WARGA KERJA MBPJ BERSAMA ANAK-ANAK YATIM & SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI** bertempat di Laman MBPJ, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif untuk meraikan warga kerja Petaling Jaya khususnya yang beragama Islam untuk mengimarahkan lagi ibadah di bulan Ramadhan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara Majlis dengan masyarakat setempat dan juga orang awam. Pada masa sama, ianya bertujuan untuk meraikan golongan berkenaan disamping mengambil peluang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam bulan Ramadhan ini.

Antara aktiviti yang diadakan ialah Majlis Berbuka Puasa Bersama Komuniti dan Kakitangan MBPJ, solat Maghrib & Isyak serta Tarawih secara berjemaah, qasidah (sewaktu menanti waktu berbuka) dan tazkirah Ramadhan.

Dalam pada itu, prihatin dengan golongan kurang bernasib baik di Petaling Jaya, MBPJ turut menyampaikan Sumbangan Aidilfitri kepada **145 orang anak-anak yatim** dari kalangan penduduk dan anak kakitangan MBPJ. Sumbangan diberi adalah berbentuk wang tunai berjumlah **RM 200.00** dan peralatan sekolah seperti beg, alat tulis serta biskut raya.

Majlis turut menyampaikan sumbangan sebanyak **RM 300.00** dan biskut raya kepada 60 penerima dari kalangan keluarga B40 yang dipilih melalui data



eKasih. YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 4 rakan strategik MBPJ iaitu Original Penang Kayu Nasi Kandar Sdn. Bhd., Hotel Le Meridien, Hotel One World dan Hotel Avante yang telah memberi sumbangan makanan sebanyak 800 bungkus.

Untuk makluman, penganjuran majlis seumpama ini tidak lain tidak bukan ianya merupakan program tahunan dan juga sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan sejajar dengan agenda Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @ PJSSR 2030, di bawah thematic 'Inclusive City' yang mengambilkira keperluan dan penglibatan semua golongan atau peringkat masyarakat.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (21)

Tarikh: 22 April 2024

PROGRAM KARNIVAL KITAR SEMULA BERSAMA KOMUNITI PJ 2024

Bersempena dengan sambutan hari bumi sedunia 2024, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengadakan Pelancaran Program Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti PJ 2024 hari ini.

Program karnival ini diadakan bertujuan untuk merai dan menghargai peranan dan kerjasama yang diberikan oleh penduduk Petaling Jaya dan rakan-rakan strategik MBPJ seperti Nestle Products Sdn. Bhd, KPT Recycle Sdn. Bhd. dan juga Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. yang telah bersama-sama MBPJ menjayakan program kutipan kitar semula pintu ke pintu yang diadakan sejak tahun 2020.

Di program ini majlis berjaya mengumpulkan sebanyak 85 kawasan dalam Petaling Jaya yang telah menyertai program kutipan kitar semula pintu ke pintu mengikut fasa bermula tahun 2020 iaitu daripada fasa satu sehingga fasa 5 yang telah bermula pada bulan januari yang lepas.

Sehingga kini jumlah penyertaan penduduk kediaman bertanah adalah sebanyak 54,500 unit kediaman dan purata penyertaan penduduk adalah sebanyak 60.08%.

Manakala jumlah barangan kitar semula yang berjaya dikutip di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2023 adalah sebanyak 4,239.2 tan dan sebanyak 1,914.6 tan adalah daripada program kutipan kitar semula pintu ke pintu ini.

Di majlis ini juga turut diadakan Pelancaran Aplikasi 3R Famili merupakan platform memudahcara untuk penduduk Petaling Jaya berkomunikasi



bersama pihak majlis dan rakan strategik mengenai kutipan kitar semula dan lokasi terkini lori kutipan kitar semula berada.

Majlis berharap agar program ini dapat memberi pendekatan secara terus kepada penduduk setempat tentang kaedah pembuangan sampah dengan betul serta mempraktikkan kaedah pengasingan sampah melalui kaedah kitar semula.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695